

07/02/1997

Media diminta berpegang pada kebenaran

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta media tempatan supaya berpegang kepada kebenaran serta mengelak daripada bersikap memihak dan keterlaluan.

Menurut Perdana Menteri, menjauhi sikap memihak dan keterlaluan amat penting bagi memastikan tiada sesiapa atau mana-mana pihak yang teraniaya akibat laporan media yang negatif.

"Saya berasa sedihlah (jika media berpendirian sedemikian) kerana media memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran rakyat. Jadi kalau media tumpu kepada sesuatu (yang negatif) maka rakyat juga akan berfikiran demikian," katanya selepas merakamkan perutusan Aidilfitri di Angkasapuri di sini.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed.

Dr Mahathir diminta mengulas kecenderungan media tempatan sejak kebelakangan ini membuat beberapa pendedahan dan bertindak seperti mahkamah untuk menjatuhkan hukuman terhadap seseorang atau pihak-pihak tertentu yang pada pendapat mereka menjadi punca kepada masalah yang mereka dedahkan itu.

Perdana Menteri berkata media tempatan yang berbuat sedemikian mungkin mempunyai agenda tersendiri yang beliau sendiri tidak tahu apa sebabnya.

"Barangkali media mempunyai agenda yang tersendiri. Mungkin media mempunyai kesetiaan kepada orang pilihan mereka. Mungkin juga mereka nak naikkan seseorang itu dan menjatuhkan orang lain," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, hasil laporan yang keterlaluan mengenai seseorang atau pihak-pihak tertentu menyebabkan sukar bagi individu atau pihak-pihak itu memulihkan imej mereka selepas proses undang-undang membuktikan mereka tidak bersalah.

(END)